



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 598**

## **AKTA BADAN BERKANUN (KUASA MEMINJAM) 1999**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

**AKTA BADAN BERKANUN (KUASA MEMINJAM) 1999**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 27 Ogos 1999

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 9 September 1999

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 598****AKTA BADAN BERKANUN (KUASA MEMINJAM) 1999**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

## Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pemakaian
4. Percanggahan atau ketidakselarasan
5. Kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 598

#### AKTA BADAN BERKANUN (KUASA MEMINJAM) 1999

Suatu Akta untuk mengawal selia perjalanan kuasa meminjam oleh semua badan berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang persekutuan dan oleh semua syarikat dan perbadanan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[10 September 1999]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“badan berkanun” ertinya mana-mana pertubuhan yang ditubuhkan oleh undang-undang persekutuan;

“Menteri”, berhubung dengan sesuatu badan berkanun, ertinya Menteri yang pada masa ini bertanggungjawab bagi badan berkanun itu;

“perbadanan” ertinya sesuatu perbadanan yang ditubuhkan oleh suatu badan berkanun menurut kuasa yang diberikan kepada badan berkanun itu di bawah undang-undang persekutuan yang menubuhkan badan berkanun itu;

“syarikat” ertinya sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] oleh suatu badan berkanun menurut kuasa yang diberikan kepada badan berkanun itu di bawah undang-undang persekutuan yang menubuhkan badan berkanun itu.

### **Pemakaian**

3. (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi semua badan berkanun dan semua syarikat dan perbadanan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu.

(2) Peruntukan Akta ini hendaklah dibaca bersama dan ditafsirkan sebagai satu dengan peruntukan undang-undang persekutuan yang menubuhkan badan berkanun itu atau perbadanannya.

### **Percanggahan atau ketidakselarasan**

4. (1) Sekiranya ada apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan undang-undang persekutuan yang menubuhkan badan berkanun itu atau perbadanannya, maka peruntukan Akta ini hendaklah menggantikan peruntukan yang bercanggah atau tidak selaras dalam undang-undang persekutuan itu setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu.

(2) Peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan yang selaras atau tidak bercanggah dengan peruntukan Akta ini hendaklah terus terpakai.

### **Kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan**

5. Sesuatu badan berkanun atau sesuatu syarikat atau perbadanan yang ditubuhkan oleh suatu badan berkanun tidak boleh meminjam wang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 598****AKTA BADAN BERKANUN (KUASA  
MEMINJAM) 1999**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari– TIADA –  

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 598****AKTA BADAN BERKANUN (KUASA  
MEMINJAM) 1999****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa  
dari– TIADA –  

---